

856 pelajar baharu dijangka


mendaftar di UMSKAL Sesi 2014/2015

UB 30-8-2014 85

SERAMAI 856 pelajar baharu dijangka mendaftar di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bagi 2014/2015 pada 1 dan 2 September depan.

Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Murnizam Haji Halik (*gambar*) berkata daripada jumlah itu, seramai 612 pelajar akan mengikuti pengajian di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan 244 di Fakulti Komputeran Informatik (FKI).

Katanya, pelajar Tahun Satu itu dijadual tiba di Lapangan Terbang Labuan dan Terminal Feri Kenderaan serta Terminal Feri Penumpang Antarabangsa Labuan (LIFT) mengikut jadual penerbangan dan



waktu pelayaran dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

“Daripada jumlah itu, seramai 25 pelajar antarabangsa akan turut mendaftar yang memabitkan 23 pelajar dari China dan dua dari Brunei Darussalam,” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Dr. Murnizam berkata sebelum ini, terdapat 165 pelajar antarabangsa iaitu 161 dari China, tiga dari

Tanzania dan seorang dari Turki sedang mengikuti pengajian di Tahun Dua dan Tiga.

Sementara itu, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) sudah mengatur jadual untuk pelajar baharu itu mengikuti pelbagai acara pada program Majlis Suai Mesra (MSM) 2014/2015.

Dr. Murnizam berkata pendaftaran Kolej dan Universiti akan diadakan pada Isnin dan Selasa depan termasuk taklimat bersama ibu bapa pada 1 September kira-kira jam 1.30 petang di Podium C, Bangunan Menara UMSKAL.

Pada Rabu bermula pukul 8 pagi, pelajar berkenaan akan mengikuti Amanat Pengarah dan Pengenalan Pegawai UMSKAL di Dewan Utama.

Katanya, Naib

Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah bersama tujuh pegawai utama universiti akan menghadiri sesi Pengenalan Pegawai Utama UMS, Majlis Ikrar dan Aku Janji pada 5 September bermula pukul 8 pagi.

Manakala pada sebelah malamnya, Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli dijadual hadir bersama Naib Canselor UMS pada Majlis Malam Penutupan MSM bermula pukul 8 malam di Dewan Utama.

Sambil mengalu-alukan kedatangan pelajar baharu bersama ibu bapa ke Wilayah Persekutuan Labuan, Murnizam berharap mereka akan mengikuti program yang sudah dirancang oleh HEP sepanjang Minggu Suai Mesra pada 1 hingga 8 September 2014.